

Rayuan Najib hadir prosiding ketepi injunksi mareva ditolak

Putrajaya: Mahkamah Rayuan semalam menolak rayuan Datuk Seri Najib Razak untuk hadir prosiding pendengaran bagi mengetepikan injunksi mareva yang diperoleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Injunksi berkenaan diperoleh secara ex-parte (sebelah pihak) oleh 1MDB dan Global Diversified Investment Company Limited pada 8 Februari tahun lalu. Kedua-duanya bertindak selaku plaintif pertama dan kelima dalam saman terhadap bekas Perdana Menteri itu serta beberapa individu lain.

Injunksi mareva merujuk kepada perintah sementara yang menghalang seseorang defendan dalam sesuatu pertikaian daripada melupuskan aset sehingga pertikaian dengan plaintif diputuskan mahkamah.

Pada prosiding semalam,

panel tiga Hakim Mahkamah Rayuan dipengerusikan Datuk P Ravinthran yang bersidang bersama Datuk Mariana Yahya dan Datuk Lim Chong Fong, menolak rayuan Najib selepas memutuskan ia bersifat akademik.

Bekas Perdana Menteri merayu keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak permohonannya hadir prosiding bagi mengetepikan injunksi berkenaan yang menghalangnya daripada melupuskan atau mengurangkan nilai mana-mana asetnya di

Malaysia sehingga AS\$681 juta. Beliau memohon menghadiri prosiding pada 11 November 2022, namun mahkamah menolak permohonannya untuk me-

ngetepikan injunksi itu pada 27 September lalu.

Ravinthran berkata, pendengaran injunksi berakhir pada 27 September lalu kini di peringkat rayuan, sekali gus peguam 1MDB dan empat anak syarikatnya berhujah bahawa apa-apa keputusan rayuan semalam adalah bersifat akademik.

Hakim berkata, mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam, Siva Kumar Kanagasabai yang mewakili 1MDB selaku responden dan menjelaskan, tiada apa-apa yang menghalang Najib selaku perayu daripada memfailkan permohonan lain di Mahkamah Rayuan untuk menghadiri pen-



Najib Razak

dengaran terbabit.

“Pada pandangan kami, ia boleh dihujahkan dalam permohonan lain di Mahkamah Rayuan. Bagaimanapun kami berpendapat sebarang keputusan dalam rayuan ini adalah akademik sepenuhnya. Jadi, rayuan ini ditolak,” katanya.

Had pengeluaran wang

Injunksi itu turut mengehadkan bekas Ahli Parlimen Pekan itu mengeluarkan wang tidak melebihi RM100,000 sebulan yang diperlukan untuk perbelanjaan sara hidup dan guaman, namun jika jumlah lebih banyak diperlukan, beliau perlu mendapat kebenaran bertulis daripada peguam 1MDB dan Global Diversified.

Perintah itu juga menyatakan Najib mesti membuat pendedahan secara bertulis kepada

1MDB dan Global Diversified berhubung asetnya bernilai sehingga AS\$681 juta, sama ada dalam atau luar negara di bawah nama beliau sendiri atau tidak dan sama ada milikan secara tunggal atau secara bersama dengan defendan lain.

Injunksi mareva itu berkaitan saman difailkan 1MDB dan empat anak syarikatnya terhadap Najib bagi menuntut AS\$8 bilion daripadanya dan tujuh yang lain berikutan kerugian kewangan dialami syarikat berkenaan.

Selain Najib, turut dinamakan dalam saman itu ialah bekas Pengarah Kewangan 1MDB, Terrence Geh Choh Heng; bekas peguam syarikat itu, Jasmine Loo Ai Swan; bekas Pengarah Eksekutif 1MDB, Casey Tang Keng Chee dan bekas Ketua Pegawai Operasi 1MDB, Vincent Beng serta Radhi Mohamad.